

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 26.05.2016

SOALAN : 148

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta Perdana Menteri menyatakan samada Malaysia akan menyokong usaha sedunia membongkar gejala rasuah supaya mereka yang korup tidak dilindungi walau di mana-mana pun.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, Malaysia sememangnya menyokong pelbagai usaha dan inisiatif pencegahan rasuah di peringkat dalam dan luar negara. Malaysia telah meratifikasi **United Nation Convention Againsts Corruption (UNCAC)** pada 24

September 2008 dan menandatangani terdahulu pada 9 Disember 2003. Tujuan **UNCAC** ialah menggalakkan dan mengukuhkan langkah-langkah untuk mencegah dan memerangi rasuah, untuk menggalakkan dan menyokong kerjasama antarabangsa dan bantuan teknikal dalam pencegahan dan memerangi rasuah termasuk pemulihan aset dan juga untuk menggalakkan tanggungjawab integriti dan pengurusan hal ehwal awam dan harta benda.

Usaha Kerajaan menangani rasuah ini telah mendapat pengiktirafan oleh antarabangsa melalui **UNCAC** melalui penilaian dan pengiktirafan oleh **United Nation Convention Againsts Corruption (UNCAC)** melalui pasukan penilai tentang kejayaan dan amalan baik Malaysia dalam usaha pembanterasannya rasuah di Malaysia yang merangkumi **Bab III UNCAC dan Bab IV UNCAC**.

Bab III UNCAC adalah mengenai **Penjenayahan Rasuah dan Penguatkuasaan Undang-Undang (Criminalization and Law Enforcement)** yang merangkumi amalan yang baik antaranya adalah pembentukan undang-undang.

Bab IV UNCAC pula merupakan **Kerjasama Antarabangsa yang meliputi** perjanjian dua hala dan pelbagai hala yang dimeterai oleh Kerajaan, selain kerjasama luas dengan organisasi serta inisiatif di peringkat antarabangsa dan peringkat rantau Asia.

Sekian, terima kasih.